

**KESUKARELAAN
MELALUI INTER-GENERASI
Satu Analisis**

**PM.Dr.Hanipah Hussin
Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan
Rohana Omar
Zawiah Mat**

**PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

2009

Dedikasi

Dedikasi ini ditujukan khusus kepada semua pemuda dan pemudi serta pemimpin tempatan yang terlibat dalam kajian 50 tahun pembangunan sosio-ekonomi Malaysia yang telah dilaksanakan

Buat rakan penyelidik

Dr.Syed Najmudddin Syed Hassan

Rohana Omar

Zawiah mat

Buat anak-anakku

Eti

Oya,

Sarah

Dahlia

Hanipah, 17 July 2009

Kata Mutiara

Pemuda Giat

*Sebagai pemuda ianya giat
Bekerja keras tak kenal penat.
Hatinya kukuh fikiran bulat
Memikul tugas ianya taat
Memegang amanah pantang mengumpat
Niatnya suci membela rakyat.
Dijadikan pemimpin amat bermanfaat
Dijadikan tua sampailah niat
Dijadikan induk teramat tepat
Dijadikan tiang tegaknya kuat
Dijadikan tudung terlindung umat
Memimpin negeri semua selamat*

(Adaptasi dari Tenas Effendy: 2000)

KESUKARELAAN MELALUI INTER-GENERASI:

Satu Analisis


Pendahuluan

Kesukarelaan adalah satu aktiviti yang murni dalam setiap masyarakat di seluruh dunia. Ia melepasi sempadan budaya, agama, masyarakat dan boleh dijadikan sebagai suatu kerja ibadah di dalam hidup.

Pelbagai peristiwa yang berlaku di seluruh dunia semakin lama semakin bertambah. Bencana alam, masalah sosial, kemiskinan dan pencemaran alam sekitar adalah contoh-contoh peristiwa yang sentiasa berada di benak ramai orang. Kerajaan negara-negara yang terlibat bagi menghadapi bencana alam umpamanya tidak mampu menyelesaikan semua masalah yang dihadapi dengan bersendirian. Mereka juga perlu mengharapkan bantuan dan pertolongan daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau 'non-governmental organization' (NGO) bagi melancarkan perkhidmatan bantuan. Malah agensi NGO antarabangsa turut bersama-sama menghulurkan kepakaran mereka bagi meringankan bebanan pihak kerajaan.

Latar Belakang Kajian Dan Persoalan Kajian

1. Adakah pembangunan material dan modenisasi melunturkan kesukarelaan?
2. Kalau begitu patutkah kesukarelaan itu di institusikan secara formal?
3. Bagaimana dengan budaya orang timur yang bukan egosentrik?
4. Adakah semangat kesukarelaan itu masih kuat dan di mana arasnya?
5. Apakah aspek-aspek dalam kesukarelaan telah luntur?
6. Siapa pula yang banyak terlibat dalam kesukarelaan? Kumpulan masyarakat yang bagaimana dan dalam situasi apa?
7. Bolehkah semangat dan aktiviti kesukarelaan dipupuk?
8. Bagaimanakah caranya dan dari mana hendak bermula?



Ketika memberi ucapan dan merasmikan **Seminar Membudayakan Aktiviti Kesukarelaan Di Kalangan Masyarakat Malaysia** di Johor Bahru pada bulan Julai yang lalu, YAM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah telah memberikan definisi yang sangat mudah mengenai sukarela. Dua perkataan yang membentuk struktur sukarela adalah suka dan rela. Terjemahan untuk suka ialah *"to like"* dan rela ialah *"being willing"* atau *"having a willingness"* ataupun *"to sacrifice"*. Jika disatukan, sukarela bererti *"love for sacrifice"* atau *"sacrificing with love"*.

Pertubuhan Sukarela Kebajikan boleh memohon bantuan daripada JKM mengikut kriteria kelayakan berikut:

- Pertubuhan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966.
- Pertubuhan bertaraf tempatan.
- Pertubuhan bercorak kebajikan *welfare-related* yang mengendalikan program berbentuk pencegahan, pemulihan, jagaan dan perlindungan serta pembangunan bagi kumpulan sasar di bawah tanggungjawab dan fungsi Jabatan.
- Pertubuhan atau organisasi yang ditubuhkan berdasarkan peruntukan Akta seperti Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak serta Lembaga yang di bawah Akta-akta berkaitan.

- Pertubuhan yang telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 bagi yang mengendalikan program institusi berkediaman atau Pusat Jagaan Harian

Kemajuan dan kekuatan ekonomi bukanlah segala-galanya dalam kehidupan negara bangsa. Kita memerlukan keseimbangan dalam hidup. Tamadun yang agung seperti Rom, Parsi dan Islam telah mengimbangi keperluan fizikal dan rohani masyarakat mereka. Tanpa keseimbangan akan wujud kepincangan yang merosakkan tamadun berkenaan.

Jiwa akan puas dengan memberi daripada menerima. Keupayaan dan kekuatan untuk memberi biasanya lahir daripada kesedaran dan keyakinan menyedarkan masyarakat tentang kepentingan kesihatan, merancang perjalanan bandar yang selamat dan selesa serta memperjuangkan penjagaan alam sekitar telah menukar keadaan dunia daripada bercirikan sengsara kepada bahagia.

Konsep yang dipegang ialah kesedaran untuk membantu masyarakat supaya kehidupan lebih sempurna dan bahagia. Tanpa adanya keinginan untuk menolong, keadaan masyarakat tentulah kucar-kacir dan hidup bersendirian. Masyarakat yang suka berbelanja dan bersifat materialistik akan mementingkan gaji yang tinggi, pekerjaan yang selesa, harta yang melimpah dan kenderaan yang canggih. Keadaan hidup begini akan memantapkan zon selesa mereka dan menghakis keinginan untuk membantu orang lain.

Pertubuhan-pertubuhan sukarela berkembang di seluruh dunia khususnya apabila berlaku sesuatu bencana alam seperti banjir, gempa bumi, tsunami dan peperangan. Mereka ini yang telah lama dikenali akan muncul dengan segera untuk memberi bantuan di Iraq, Indonesia, Bangladesh, Iran, Thailand, Turkey, Mongolia dan Ukraine serta di seluruh dunia. Kepantasan dan kesegeraan ini melambangkan kekuatan ekonomi dan sikap profesionalisme yang dimiliki serta pengalaman yang sangat menakjubkan.

Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa sebagai contoh organisasi sukarela yang terkenal di dunia telah wujud di 186 buah negara di mana terdapat 90 juta sukarelawan dengan 60,000 orang kakitangan yang bertugas di seluruh dunia. Di antara contoh kejayaan organisasi ini ialah

merekut 6000 orang ahli bagi membantu mangsa banjir di Bangladesh setiap tahun. Pertubuhan seperti ini mampu bertahan lama kerana menyepadukan tiga komponen utama dalam menguruskan kesinambungan mereka iaitu merekut, melatih dan menyelia. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) adalah organisasi Palang Merah yang terdapat di Malaysia. PBSM turut mempunyai jumlah anggota yang ramai iaitu hampir 300,000 orang yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelajar iaitu kira-kira 80 peratus. Aktiviti PBSM meliputi Malaysia sebagai asasnya dan turut dijemput untuk memberi khidmat bantuan kepada negara seperti Iran, Bosnia-Herzegovina, Phillipines, Afghanistan, Indonesia, Timor Leste dan Kemboja.

Pertubuhan lain yang telah mendapat liputan meluas ialah Mercy Malaysia (Mercy) yang telah diasaskan pada Jun 1999. Sehingga kini Mercy mempunyai 4000 anggota berdaftar bagi melaksanakan misi di negara ini dan juga di negara-negara luar seperti Kosovo, Afghanistan, Korea Utara Iraq dan Sudan. Program yang sedang berjalan dan telah menaikkan nama Mercy ialah bantuan kepada mangsa-mangsa tsunami di Indonesia.

Umumnya NGO yang menonjol adalah mereka yang bergiat aktif dalam memberi perkhidmatan kesihatan kerana setiap kali berlaku bencana dan mala petaka, media akan memberi tumpuan khas dan terdapat ruang yang menceritakan pengalaman dan suasana di tempat kejadian sama ada di media cetak ataupun media elektronik. Tidak hairanlah masyarakat lebih mengenali NGO yang memberi tumpuan dalam bidang ini berbanding bidang-bidang yang lain.

Aktiviti kesukarelaan harus bermula dari peringkat awal. Keluarga dan sekolah adalah institusi penting sebagai penyubur minat terhadap semangat kesukarelaan. Nilai sukarela perlukan proses pendidikan, asuhan dan latihan. Keluarga boleh memulakan aktiviti secara beransur-ansur dengan menyertai mana-mana aktiviti yang diminati melalui persatuan penduduk atau menyertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Aktiviti seperti ini boleh dilaksanakan secara separuh masa atau sepenuh masa. Antara aktiviti yang boleh dibuat ialah kelas tuisyen, khidmat nasihat, mengurus pesakit di hospital dan membaca untuk orang buta.

Kesukarelaan dapat menukar paradigma berfikir seseorang daripada meminta-minta kepada memberi. Allah SWT telah memberi petunjuk bahawa nikmatNya kepada makhluk terlalu

banyak dan tidak meminta apa yang telah diberikanNya melainkan bersyukur. Aktivis sukarela adalah seorang yang ketagih dengan memberi dan ia merasai kedamaian serta kebahagiaan yang tidak diperolehi daripada kerja-kerja yang lain.

Kewujudan pertubuhan-pertubuhan yang memberikan khidmat masyarakat seperti JPA3, Rakan Muda, ABIM, Haluan, CARE, Lion Club, Interact Club dan Rotary Club adalah menunjukkan masyarakat mula melihat sikap membantu adalah lebih baik dan sangat mulia.

Objektif Kajian

1. Mengkaji persepsi penduduk Malaysia tentang aktiviti kesukarelaan dan cara-cara meningkatkannya dalam aktiviti mengecat rumah/premis dalam masyarakat sedia ada
2. Mengenal pasti ciri-ciri latar belakang sosio demografi, ekonomi dan prasaranan kategori penduduk yang terlibat dengan aktiviti kesukarelaan mewarnakan rumah dan mengisi space rumah
3. Menganalisis aktiviti atau bidang kegiatan yang banyak menjadi tumpuan aktiviti kesukarelaan bagi membentuk aktiviti yang boleh memupuk semangat kesukarelaan di kalangan isi keluarga

Kesukarelaan Daripada Perspektif Islam

Penghayatan terhadap kehidupan moden telah mengurangkan semangat kesukarelaan. Tidak ramai ahli masyarakat yang menggunakan usaha sendiri untuk membantu masyarakat tanpa bantuan kewangan. Khidmat dan bantuan pada hakikatnya bukanlah sekadar wang ringgit malah tenaga, masa, buah fikiran ataupun usaha fizikal. Kesukarelaan adalah tugas setiap umat Islam kerana ia adalah fardu kifayah. Sekiranya tidak dilaksanakan, ia akan ditanya oleh Allah SWT. Beban dan tuntutan kepada orang Islam adalah lebih dan sangat besar. Terdapat tiga kategori pemberian iaitu :

1.Kurang memberi dan lebih menyimpan

2.Lebih memberi dan kurang menyimpan

3.Memberi tanpa had dan berterusan

Kategori 1 dan 2 adalah perspektif konvensional dan melihat pemberian dan sumbangan sebagai komoditi yang perlu dipelihara lebih dan kurangnya manakala kategori 3 adalah saranan dalam Islam kerana rezeki adalah pemberian Allah SWT yang wajar dikongsi bersama oleh semua ahli masyarakat.

Kesukarelaan adalah satu tugas yang murni dan bukannya kerja kelas ketiga. Sikap segelintir masyarakat terhadap aktiviti sukarela perlu berubah supaya fardu kifayah dapat disempurnakan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengukur faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan penduduk dalam aktiviti kesukarelaan agar unjuran mengenai tabiat, amalan dan profil kesukarelaan dapat dilakukan. Sehubungan dengan itu individu yang ingin menceburkan diri perlu memikirkan perkara-perkara berikut:

- Mencari maklumat mengenai organisasi sukarela dan mengenai peluang, bidang serta tugas sebagai sukarelawan.
- Memilih bidang yang diminati dan memilih golongan yang ingin dibantu bersesuaian dengan kebolehan dan kemahiran diri.
- Menentukan cara dan waktu bersukarela serta fikirkan tugas-tugas dan tanggungjawab lain.
- Menimbang mengenai latihan, gembira dengan tugas tersebut, melibatkan ahli keluarga dan perkara-perkara yang sensitif kepada diri sendiri.

Cabaran-Cabaran Kesukarelaan Masa Kini

Penghayatan terhadap pembangunan modal insan adalah peluang bagi aktivis sukarela menggerakkan kesedaran dan semangat masyarakat bagi melaksanakan pelbagai aktiviti. Rakyat Malaysia dilihat sebagai masyarakat yang tinggi kesedaran sukarela tetapi kebanyakannya bersifat ad hoc dan kurang komited kerana tidak ada institusi yang menguruskan aktiviti ini secara sistematik.

Organisasi sukarela perlu meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing kerana tanggungjawab mereka terhadap masyarakat amatlah besar. Proses pembentukan barisan pelapis kepimpinan mesti dilaksanakan secara terancang melibatkan pengrekrutan, latihan dan penyeliaan supaya hanya mereka yang benar-benar berminat dipilih.

Kekurangan penyertaan golongan muda untuk menyertai aktiviti sukarela adalah kerana tarikan aktiviti persekitaran yang sentiasa memenuhi keseronokan mereka. Pertubuhan sukarela harus melihat senario ini sebagai ancaman kerana golongan remaja dan belia pada hari ini akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Ibu bapa yang sibuk dengan kerja adalah gambaran sistem ekonomi kapitalis yang melihat keuntungan sebagai indikator kejayaan dalam hidup. Ibu bapa wajar diberi kesedaran untuk melihat kembali peranan mereka bagi menggerakkan semangat kesukarelaan di peringkat keluarga.

Cadangan Bagi Menggerakkan Semangat Kesukarelaan

Kerajaan memainkan peranan yang sangat penting bagi menggerakkan aktiviti sukarela di kalangan masyarakat Malaysia. Apa jua program intervensi, pencegahan dan pemantapan datangnya daripada usaha kerajaan. Berjuta-juta ringgit diperuntukkan oleh kerajaan bagi menjayakan Kempen Budi Bahasa, begitu juga kempen kesukarelaan perlu diberi bantuan kewangan yang serupa dan digerakkan secara sistematik, berarah dan sepanjang masa.

Elemen yang sangat penting ialah melaksanakan silibus kesukarelaan dalam kurikulum sebagai pendedahan kepada para pelajar bermula dari sekolah rendah. Mewajibkan semua pelajar menyertai kegiatan kurikulum mungkin membebankan guru dan sekolah tetapi memberi keutamaan kepada pelajar yang aktif dalam kurikulum dan cemerlang akademik adalah langkah alternatif yang menarik. Para pelajar akan teruja untuk aktif dalam kegiatan kurikulum sebagai aktiviti sampingan yang dapat memberikan pelbagai kemahiran. Langkah Kementerian Pengajian Tinggi mengenakan syarat 10 peratus bagi kegiatan kurikulum untuk kemasukan ke IPTA adalah sangat tepat bagi menggalakkan para pelajar aktif dalam kegiatan sukarela bermula di peringkat awal lagi.

Ahli Parlimen boleh menubuhkan pusat aktiviti kesukarelaan di kawasan masing-masing seperti mana penubuhan Pusat Rujukan Sosial (PRS) dan Masyarakat Penyayang (Mayang), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pusat sukarela masyarakat boleh memberi bantuan kepada Ahli Parlimen untuk melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan di kawasan mereka dengan bantuan geran oleh kerajaan.

Pada masa yang sama pertubuhan bukan kerajaan harus bergerak aktif mengadakan kempen promosi peri pentingnya menjadi sukarelawan supaya masyarakat menyedari peranan mereka sebagai “pemberi” kerana mungkin pada satu hari nanti, “pemberi” tersebut akan bertukar peranan sebagai “penerima” yang meminta-minta.

Ketika merasmikan Sidang Kemuncak Kelab Penyayang baru-baru ini, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Abdulah Haji Ahmad Badawi menegaskan bahawa usaha pembangunan modal insan bukan ditumpukan kepada memberi ilmu pengetahuan sahaja tetapi juga menumpukan kepada pembangunan moral supaya lahir perasaan kasih sayang dalam masyarakat. Melalui kasih sayang ini, semangat kesukarelaan dapat dipupuk bermula dari rumah seterusnya akan melata di dalam masyarakat Malaysia. Di bawah ini adalah gambar-gambar yang telah diambil oleh respondent dalam kajian ini bagi menggambarkan aktiviti-aktiviti sukarelaan inter-generasi sedang dilaksanakan.



Di Negeri Sembilan, para jiran dan sanak saudara sedang bertungkus-lumus menyediakan hidangan makan tengahari untuk majlis kahwin salah seorang abang daripada ahli kumpulan kami. Mereka bergotong-royong dan berganding bahu dalam menyempurnakan sesuatu majlis dapat memudahkan segala urusan, memastikan majlis berjalan dengan lancar dan yang paling penting dapat mengeratkan ikatan silaturahim antara satu sama lain. Pembudayaan kesukaleaan inter-generasi masih ada lagi di Negeri Sembilan.



Tempat Kejadian:

Di jalan raya yang terletak berhampiran dengan Jalan Tunku Abdul Rahman iaitu di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dalam suasana menyelesaikan masalah yang timbul daripada sebuah kemalangan jalan raya.

Penerangan Mengenai Tempat Kejadian:

Pada ketika, orang ramai sedang sibuk membeli keperluan masing-masing dalam persediaan menyambut kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak yang mulia dan Hari Raya Aidilfitri tidak

lama lagi, hingga tanpa disedari menyebabkan berlakunya sebuah kecelakaan jalan raya. Para tuan punya kereta yang terlibat dalam kemalangan tersebut sedang berurusan antara satu sama lain untuk menyelesaikan masalah kereta mereka disamping ramai lagi orang awam yang datang membantu mereka.



Tempat Kejadian:

Di jalan raya yang terletak berhampiran dengan Wangsa Maju, Seksyen 5 iaitu di Kuala Lumpur di mana dalam keadaan berlaku sebuah kemalangan jalan raya antara golongan remaja yang sedang menyelesaikan masalah mengenai kereta mereka.

Penerangan Mengenai Tempat Kejadian:

Pada ketika itu mereka sedang menyelesaikan masalah berkenaan kereta mereka yang saling berlanggaran di sebuah simpang ketika berhenti di lampu isyarat jalan raya. Kereta paling hadapan hanya mengalami sedikit kerosakan begitu juga dengan kereta yang ketiga. Kereta di bahagian tengah-tengah antara kereta pertama dan kedua mengalami banyak kerosakan iaitu di bahagian depan dan belakang kereta. Terdapat juga beberapa buah kereta dan motor yang berhenti menghulurkan bantuan dan kebanyakan dari mereka yang berhenti ialah dari golongan kawan-kawan mereka yang mengalami kemalangan tersebut.



Tempat Kejadian:

Balai raya di kawasan Danau Kota, Taman Melati, Kuala Lumpur di mana wakil dari wakil rakyat zon tersebut sedang mengagihkan barang keperluan kepada penduduk di kawasan tersebut.

Penerangan Mengenai Tempat Kejadian:

Pada waktu tersebut, Wakil Rakyat Zon Danau Kota iaitu berhampiran dengan Taman Melati telah mengadakan perjumpaan dengan para penduduk di situ untuk tujuan merapatkan ikatan silaturahim antara satu sama lain. Selain itu, wakil daripada wakil rakyat tersebut juga mengadakan sesi mengagihkan barang keperluan seharian kepada penduduk dikawasan tersebut untuk tujuan meringankan beban yang ditanggung oleh mereka dan dapat membantu mereka yang kurang mampu dari segi kewangan.



Tempat Kejadian:

Di kawasan Lebuhraya Middle Ring Road 2 (MRR2 Highway), Kuala Lumpur terdapat sebuah kemalangan jalan raya yang melibatkan sebuah van.

Penerangan Mengenai Tempat Kejadian:

Pada malam kejadian, dikawasan lebuhraya agak lengang dengan kenderaan kerana ketika itu telah mencecah ke angka dua belah tengah malam. Oleh sebab tidak banyak kenderaan pada ketika itu, maka van tersebut bergerak dalam keadaan yang agak laju. Tiba-tiba, pemandu van tersebut tidak dapat mengawal vannya, dan van tersebut hilang kawalan lalu terbalik di tengah-tengah jalan raya. Kemudian, beberapa buah kenderaan lain berhenti untuk melihat keadaan dan menghulurkan bantuan kepada mangsa. Beberapa minit kemudian, kelihatan ambulans datang dan membawa mangsa ke hospital berdekatan untuk mendapatkan bantuan. Kemudian, setelah ambulans beredar, van tersebut dibawa ke bengkel untuk di baik pulih dan orang ramai yang berhenti untuk menghulurkan bantuan sebentar tadi mula bergerak meninggalkan tempat kejadian.



Tempat : kafetaria UTeM, Kampus Industri

Tarikh : 28 Julai 2008

Perkara : Pelajar UTeM secara sukarela menderma darah.



Tempat : Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh Pahang

Tarikh : 15 Julai 2008

Perkara : Persatuan Ibu dan Bapa bergotong royong membersihkan perkarangan Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh Pahang



Tempat : Taman Sri Semantan, Temerloh Pahang

Tarikh : 30 Ogos 2008

Perkara: penduduk di kawasan Taman Sri Semantan, Temerloh Pahang bersama-sama membantu memasak untuk kenduri kahwin.



Tempat: Surau di Taman Sri Semantan, Pahang.

Tarikh: 10 Ogos 2008

Perkara: bergotong royong membuat dodol untuk didermakan kepada rumah bakti di Temerloh Pahang.



Tempat : Sekitar Kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh

Tarikh: 9 Julai 2008

Perkara: Pelajar bersama-sama bergotong royong membersihkan kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh



Tajuk: Kempen Derma Darah.

Tempat: Kafetria UTeM

Diskripsi: Pada hari tersebut para pelajar dan staff yang prihatin telah menyumbangkan darah mereka bagi tabung darah Hospital Melaka.



Tajuk: Kerjasama Berkumpulan

Tempat: RSG Camp, Durian Tunggal

Diskripsi: Salah sebuah kumpulan yang dibentuk semasa menyertai kem tersebut. Mereka sering bekerjasama bagi menyelesaikan tugasan yang diberikan.



Tajuk: Program Ibadah Korban Sempena Hari Raya Aidiladha

Tempat: Kampung Klebang Kechil.

Diskripsi: Pada majlis tersebut, masyarakat Islam bekerjasama serta bergotong –royong serta mengedarkan hasil sembelihan kepada mereka yang memerlukan.



Tajuk:Program Senamrobik Sempena Konvoksyen UTeM

Tempat:Dataran MITC.Diskripsi:Program selama sejam ini telah menarik minat para pelajar serta staff UTeM untuk menyertaiya.



Tajuk: Khidmat Masyarakat Pelajar SMK Air Molek, Melaka

Tempat:Taman Botanikal

Diskripsi:Para pelajar secara sukarela untuk menhadirkan diri bagi memberi khidmat masyarakat dengan berotong – royong membersihkan dan mengindahkan kawasan Taman Botanikal dengan kerjasama pihak Taman Hutan.



Tajuk: Latihan Kebakaran SMK Air Molek.

Tempat: Padang SMK Air Molek

Diskripsi: Pihak Bomba dengan kerjasama Jabatan Bomba Dan PEnyelamat Negeri Melaka Telah bekerjasama untuk memberikan latihan mengenai hal jika berlaku nya kebakaran dan kecemasan di kawasan sekolah.

PERPADUAN DAN SUKARELA DI MALAYSIA

Sudah 57 tahun negara kita merdeka. Kepesatan ekonomi dan pembangunan juga semakin meningkat untuk bersaing bersama negara luar yang maju. Begitu juga dengan berkaitan dengan hal berkaitan kemanusiaan. Apa yang ingin disampaikan di sini ialah berkaitan dengan sukerela. Ini kerana terdapat banyak jabatan atau agensi-agensi yang ditubuhkan bagaikan cendawan tumbuh untuk membantu masyarakat yang memerlukan. Salah satunya ialah seperti agensi di atas yang membantu pesakit-pesakit HIV di Malaysia. Ini kerana penyakit ini amat digeruni oleh masyarakat dan secara tidak langsung pesakit HIV ini disisihkan.



Agensi ini akan memberi bantuan dari segi nasihat, perubatan, kediaman dan sebagainya. Pesakit-pesakit ini perlu diberi perhatian kerana apabila sekiranya masalah ini tidak dititik beratkan, banyak perkara yang tidak diinginkan mungkin berlaku. Contohnya sekiranya khidmat sekurela ini tidak wujud dan nasihat tidak diberikan kepada pesakit HIV tersebut, cuba kita bayangkan bagaimana pesakit ini hendak menghadapi kenyataan untuk teruskan

kehidupan. Selain daripada itu agensi ini berfungsi memberi nasihat kepada masyarakat luar untuk menghindarkan atau mengelak daripada berjangkit dengan penyakit tersebut.



Selain daripada itu, agensi kerajaan juga wujud semangat kesukarelaan bagi memupuk semangat perpaduaan. Ini terbukti dimuka akhbar tempatan. Contohnya Dato' Ho sedang menyerahkan kunci jentera bomba dan penyelamat bagi pasukan bomba dan penyelamat sukarela, Bagan Tiang kepada Encik Teoh Eng Seng sambil diperhatikan ADUN Titi Serong, Encik Abu Bakar Mat Ali, ADUN Kuala Kurau, Encik Salleh Mat Disa dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak, Encik Zurkarnain Mohd Kassim.

Pasukan Bomba dan Penyelamat Sukarela Bagan Tiang, Kerian telah menerima sebuah jentera yang dilengkapi dengan peralatan memadam kebakaran dan kemudahan lain bagi membolehkan anggota pasukan terbabit menjalankan tugas membantu pasukan bomba dan penyelamat memadam kebakaran dan juga kerja-kerja menyelamat yang lain.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Perak, Dato' Ho Cheng Wang telah melakukan upacara menyerahkan kunci dan jentera terbabit kepada ketua pasukan, Encik Teoh Eng Seng dalam majlis ringkas di pusat pasukan terbabit di Kuala Bagan Tiang.

Jentera terbabit jenis Nissan Safari berharga RM50,000 bersama peralatannya adalah sumbangan daripada kerajaan Jepun. Pasukan bomba dan penyelamat sukarela itu yang ditubuhkan sejak beberapa tahun lalu mempunyai 40 orang ahli. Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak, Encik Zurkarnain Mohd Kassim berkata, kini terdapat 32 pasukan bomba dan penyelamat sukarela di seluruh negeri Perak. Katanya, matlamat jabatannya ialah menubuhkan sekurang-kurangnya 20 lagi unit pasukan bomba dan penyelamat sukarela dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9), sebagaimana sasaran satu Dewan Undangan Negeri (DUN) satu unit pasukan berkenaan. Pasukan bomba dan penyelamat sukarela adalah penting terutama di kawasan yang jauh dengan balai bomba dan

penyelamat bagi membantu pasukan bomba dan penyelamat memadam kebakaran, banjir, tanah runtuh, ribut, kemalangan jalan raya dan yang terbaru membantu mangsa bencana tsunami. Masyarakat setempat boleh merancang penubuhan pasukan bomba dan penyelamat sukarela dengan membentuk jawatankuasa dan mendaftar ahli dengan persetujuan dan sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Empat pasukan bomba dan penyelamat sukarela yang telah menerima jentera ialah Manong, Kuala Kangsar, Langkap Teluk Intan, Bagan Datoh dan terbaru Bagan Tiang, Kerian. Sehingga ini, keahlian pasukan bomba dan penyelamat sukarela seluruh negeri Perak ialah 1,300 orang. Mereka mendapat latihan dan kursus yang berkaitan dengan tugas mereka daripada pegawai bomba dan penyelama

Khidmat sukerela ini juga bukan sahaja boleh dilakukan melalui agensi-agensi atau jabatan yang ditubuhkan oleh pihak tertentu tetapi boleh dilakukan secara tidak sengaja tanpa kite sedari. Seperti gambar yang dipaparkan di bawah mengenai khidmat kesihatan yang diberikan kepada masyarakat kampug untuk mendapatkan khidmat rawatan kesihatan. Walaupun kita dapati perkhidmatan ini lebih kepada disebabkan urusan kerja tetapi untuk memberi khidmat secara terus kepada penduduk bukan tersenarai dalam *protocol* kerja. Dengan adanya perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk kampung secara terus, ini dapat memudahkan peduduk untuk membuat pemeriksaan kesihatan terutamanya warga tua.



Antara lain perkhidmatan sukerela yang kita boleh lihat atau tanpa kita sedari adalah seperti gotong-royong dalam membuat sesuatu pekerjaan. Khidmat sukerela ini lebih kepada masyarakat setempat tanpa mengira bangsa, umur dan sebagainya. Antaranya seperti gotong-royong membersihkan tempat, membantu melaksanakan kenduri, menjaga ketenteraman kawasan perumahan atau taman kediaman dan banyak lagi samada berkaitan social mahupun jasmani. Dengan adanya semangat sukerela ini, secara tidak langsung semangat perpaduaan dapat diwujudkan sesama kita.



Semangat perpaduan dan sukarela ini juga boleh dipupuk ke generasi muda bagi menanam nilai-nilai murni. Apabila nilai ini telah dipupuk dari awal, secara automatik budaya semangat perpaduan dan sukarela tidak akan hilang dimamah usia. Kaedah ini boleh dibuat di seluruh sekolah-sekolah menengah, rendah mahupun institusi pengajian tinggi. Ini kerana pada usia yang muda adalah permulaan yang paling mudah untuk dijinakkan dengan apa yang dirancang. Ada pepatah mengatakan “hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya”.



Semangat dan sukarela secara individu juga boleh dilihat terutamanya bagi bangsa Melayu di bulan Ramadhan. Antaranya dengan cara menderma segala bentuk yang boleh diguna pakai. Contohnya bentuk kewangan, makanan, kediaman dan sebagainya. Amalan ini boleh mengeratkan perhubungan diantara satu sama lain, menambahkan kenalan, merapatkan diri dengan masyarakat, menambahkan amal jariah untuk individu itu sendiri dan banyak lagi.



Kesimpulannya, sekiranya semangat perpaduan dan sukarela ini dapat diserapkan dalam jiwa setiap individu di dalam masyarakat kita, pasti negara kita dapat hidup dengan aman damai. Sedikit sebanyak gejala social yang tidak diinginkan dapat di elakkan. Oleh itu, perpaduan amat penting untuk mewujudkan masyarakat yang maju dan harmoni.



Tempat : Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur.

Perkara : Larian Amal- Terry Fox Run Marathon of Hope Kuala Lumpur

Pada 17 September 2007 yang lalu telah diadakan satu larian amal iaitu Terry Fox Run Marathon of Hope di Kuala Lumpur. Acara ini merupakan acara tahunan yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi penyelidikan kanser di Malaysia. Terry Fox Run Marathon of Hope ini telah masuk tahun ke-12 pelaksanaannya. Sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada orang ramai terutamanya dari sekitar Kuala Lumpur. Larian amal ini diadakan di Taman Tasik Perdana sebagai garis permulaan/penamat. Yuran penyertaan bagi larian ini adalah percuma. Para peserta dikehendaki hadir seawal 8.00 pagi untuk membeli baju T-shirt bagi larian amal tersebut. Harga sehelai baju adalah sebanyak RM15.00. Hasil daripada penjualan T-shirt tersebut akan disalurkan ke tabung Cancer Research Initiative Foundation (CARIF). Terry Fox Run Marathon of Hope ini telah dicadangkan oleh seorang pesakit kanser tulang iaitu Terry Fox. Beliau seorang warga Kanada. Ketika umur beliau 18 tahun, beliau telah disahkan menghidap kanser tulang. Kesan daripada penyakit itu, kaki kiri beliau terpaksa di potong. Sewaktu beliau dirawat di hospital, beliau melihat ramai kanak-kanak yang menderita kerana kanser. Lalu beliau mencadangkan untuk melakukan satu larian amal untuk mencari dana bagi penyelidikan kanser supaya pesakit kanser dapat diubati. Beliau mati ketika berumur 22 tahun. Rentetan dari itu, Cancer Research Initiative Foundation (CARIF) telah ditubuhkan bagi membiayai penyelidikan kanser di Malaysia.